

Abdullah, Najib deklamasi puisi

PM, TPM karang karya sempena merdeka

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak malam tadi mendeklamasikan puisi yang dicipta sendiri pada Majlis Deklamasi Puisi 'Malam Suara Puteri Merdeka' di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sempena menjelang sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-49.

Perdana Menteri merangkap Presiden Umno menyampaikan puisi bertajuk 'KU Cari Damai Abadi', manakala timbalannya buat kali pertama menyampaikan puisi dikarang sendiri bertajuk 'Segeralah Bangsa-ku, Kita Glokalkan'.

Malah, Abdullah sebelum membaca puisinya, menarik perhatian hadirin apabila memberitahu beliau mempunyai empat puisi tetapi tiga daripadanya hanya untuk isterinya, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood.


"Yang tiga lagi untuk Endon, tiada siapa yang tahu," katanya sambil tersenyum.

Turut mendeklamasikan puisi diiringi alat muzik tradisional pada majlis yang diahijurkan Pergerakan Puteri Umno itu ialah Ketua Pergerakan Puteri, Datuk Noraini Ahmad; Ketua Pemuda Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Mohamad Norza Zakaria; Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Pilah, Datuk Norhayati Omar dan Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr Firdaus Abdullah.

Pelakon dan penyanyi iaitu Rosyam Nor, Nash, Anne Johanna, Khir Rahman serta wakil Puteri Umno turut mendeklamasikan puisi dan membuat persembahan.

Noraini berkata, program berkenaan bagi menghayati semangat perjuangan kemerdekaan negara dan menyemarakkan semangat patriotisme.

Pada majlis berkenaan, Perdana Menteri turut menyaksikan penyerahan tajaan 3,000 naskhah sisipan akhbar jawi terbitan sebuah akhbar tempatan oleh Puteri Umno kepada Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (Peyatim).



PENUH PERASAAN: Najib ketika membaca puisi di Auditorium DBP sempena menjelang sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-49, malam tadi.



CARA TERSENDIRI: Noraini turut mendeklamasikan puisi, malam tadi.